

TEKS UCAPAN  
Y.BHG. PROF. DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

MAJLIS PERASMIAN FIESTA CAHAYA & MALAM  
MUHIBBAH 2017

Salam Sejahtera dan Salam Negara Sehati Sejiwa

**Salutasi**

**Siswa-siswi yang dikasih sekalian,**

Sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin menyampaikan salam takzim dan maaf daripada Yang Berhormat Datuk Dr Mary Yap Kain Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia yang tidak dapat bersama pada majlis ini kerana Yang Berhormat Datuk mempunyai komitmen lain yang telah dirancang lebih awal. Beliau berharap agar majlis ini dapat berjalan dengan lancar dan dapat mencapai matlamat yang ditetapkan.

Fiesta Cahaya dan Malam Muhibbah merupakan antara salah satu program terbesar yang dianjurkan oleh

Sekretariat Kesenian, Kebudayaan dan Warisan India Malaysia (Sekwim) buat ke-14. Penganjuran program ini merupakan satu pesta kebudayaan daripada masyarakat kaum India dalam usaha memelihara warisan turun temurun keunikian kebudayaan negara ini. Malahan melalui penganjuran program ini, siswa-siswi dari pelbagai kaum dapat melihat keunikian kaum india yang sememangnya lain daripada yang lain. Kita sama-sama dapat belajar kebudayaan masing-masing dengan menganjurkan serta melibatkan diri dalam program-program sebegini.

Malam ini juga merupakan suatu simbolik mengenai keseimbangan suasana kehidupan kampus yang mencakupi seluruh aspek termasuk penerapan kesenian dan kebudayaan, dan bukannya tertumpu kepada bidang akademik semata-mata. Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengarah Majlis Fiesta Cahaya Dan Malam Muhibbah Saudara George A/L David dan komitmen serta dedikasi ahli jawatankuasa Sekretariat Kesenian, Kebudayaan dan Warisan India Malaysia (SEKWIM)

atas kejayaan menganjurkan majlis ini. Tahniah saya ucapkan kepada anda sekalian.

**Para hadirin, siswa siswi yang dihormati sekalian,**

Saya berasa amat bangga melihat siswa siswi di dewan yang indah pada malam ini. Kesemuanya nampak segak, tampan, cantik dan bersemangat untuk menyaksikan persembahan kebudayaan nanti. Sehubungan itu, saya menyeru kepada semua warga UMS di dalam dewan ini agar bersama – sama meningkatkan prestasi diri selaku rakyat Malaysia yang mahukan kecemerlangan dalam Negara yang maju dan bersatu padu. Persembahan bakat yang bakal kita saksikan malam ini juga sekaligus mencerminkan gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak. Di UMS hubungan setiap para pelajar sememangnya terjalin erat sejak sekian lamanya walaupun kita di sini terdiri daripada pelbagai latar belakang suku kaum, budaya dan agama yang berbeza. Itulah kunci utama universiti ini terus pantas bergerak maju ke hadapan.

Sehubungan itu, UMS menagih komitmen dan kesungguhan saudara saudari mahasiswa mahasiswi baru untuk terus bergerak seiring bersama kami , tenaga pentadbiran dan pengurusan universiti. Marilah kita bersama-sama bergerak maju ke hadapan sekaligus menyahut saranan kerajaan dalam merealisasikan Wawasan 2020.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan Syabas dan tahniah kepada seluruh ahli Sekretariat Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Malaysia (SEKWIM). Tanpa usaha gigih dan komitmen anda, Fiesta Cahaya dan Malam Muhibbah 2017 ini tidak akan mampu dilaksanakan dengan jayanya. Kepada mahasiswi dan mahasiswa sekalian, selamat meneruskan pengajian di UMS. Pencapaian anda pada masa kini adalah penentu kepada kecemerlangan anda di masa hadapan.

Nandri Vanakkam!



